

SOALAN LAZIM MENGENAI PEMBAYARAN GERAN KHAS PRIHATIN (GKP) 4.0 FASA 1 DAN FASA 2

1. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya status pembayaran GKP 4.0 adalah Gagal Kredit?

Sekiranya status pembayaran adalah Gagal Kredit, pemohon perlu mengemas kini maklumat Akaun Bank Simpanan Peribadi atau Akaun Bank Semasa Peribadi di menu Kemas kini No. Akaun pada portal rasmi GKP (<https://gkp.hasil.gov.my/>).

Akaun bank yang dikemas kini hendaklah Akaun Bank Peribadi atas nama pemohon GKP (bukan akaun bank perniagaan), berstatus aktif dan berdaftar menggunakan nombor kad pengenalan baharu pemohon. Pastikan juga nombor akaun bank yang dimasukkan adalah nombor akaun yang boleh digunakan bagi tujuan pengkreditan.

2. Apakah yang perlu saya lakukan jika saya tidak mempunyai akaun bank selain dari akaun bank yang telah saya daftarkan pada permohonan GKP sebelum ini?

Pemohon perlu membuat pengesahan dengan pihak bank berkaitan status aktif akaun bank tersebut serta memastikan ianya adalah Akaun Bank Peribadi atas nama pemohon GKP (bukan akaun bank perniagaan).

Pemohon juga digalakkan untuk membuka akaun bank baharu (Akaun Bank Peribadi atas nama pemohon GKP) bagi mengelakkan masalah gagal kredit berulang.

3. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya saya gagal mengemukakan akaun bank simpanan / semasa untuk pembayaran semula GKP 4.0?

Pemohon perlu mempunyai akaun bank simpanan / semasa kerana pembayaran semula GKP 4.0 hanya akan dikreditkan kepada penerima yang mempunyai akaun bank yang aktif sahaja.

4. Bilakah tarikh kemas kini maklumat akaun bank dan tarikh pembayaran semula GKP 4.0 akan dilakukan bagi penerima berstatus Gagal Kredit?

TEMPOH KEMAS KINI MAKLUMAT AKAUN BANK	TARIKH PEMBAYARAN SEMULA
<ul style="list-style-type: none"> • 07 Oktober – 21 Oktober 2021 	<ul style="list-style-type: none"> • Mulai 02 November 2021
<ul style="list-style-type: none"> • 06 Disember – 20 Disember 2021 	<ul style="list-style-type: none"> • Mulai 27 Disember 2021

- 5. Sekiranya pembayaran GKP 4.0 berstatus gagal kredit dan saya baru sahaja mengaktifkan Akaun Bank Simpanan Peribadi atau Akaun Bank Semasa Peribadi tersebut, adakah saya perlu membuat kemas kini akaun bank dalam tempoh yang ditetapkan?**

Ya. Pemohon perlu membuat kemas kini maklumat akaun bank dalam tempoh yang ditetapkan dengan memasukkan maklumat akaun bank terkini yang berstatus aktif bagi tujuan pembayaran semula bantuan.

- 6. Sekiranya status pembayaran GKP PERMAI / GKP 3.0 / GKP PEMERKASA+ saya juga turut berstatus Gagal Kredit sebelum ini, adakah saya juga turut akan menerima pembayaran semula GKP PERMAI / GKP 3.0 / GKP PEMERKASA+ berkenaan?**

Pembayaran semula yang akan dilakukan adalah terhad kepada program GKP sepanjang tahun 2021 sahaja.

- 7. Sekiranya saya gagal mengemas kini maklumat akaun bank dalam tempoh 06 Disember 2021 hingga 20 Disember 2021, adakah permohonan kemas kini maklumat akaun bank akan dibuka semula pada masa akan datang?**

Tidak. Tempoh permohonan kemas kini maklumat akaun bank yang dibuka pada 06 Disember 2021 hingga 20 Disember 2021 adalah permohonan kemas kini akaun bank yang terakhir bagi pembayaran semula kepada penerima GKP yang masih berstatus Gagal Kredit.

- 8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya saya mempunyai sebarang pertanyaan mengenai status pembayaran GKP 4.0 Fasa 1 dan Fasa 2?**

Sebarang pertanyaan mengenai status pembayaran GKP boleh hubungi Hotline BKK LHDNM: 1-800-88-2747 / Hotline MOF: 03-8882 4565 / 03-8882 4566.

Dikemas kini pada 27 Disember 2021